ملتقى

سلطان شرف الدين إدريس شاه الثالث

# PERANAN INSTITUSI RAJA DALAM MEMBELA HAK RAKYAT


Oleh :

Yang Berhormat
Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Haji Awang bin Sariyan
Ahli Dewan Negara
Penyandang Kursi Raja-Raja Melayu
Universiti Teknologi MARA


JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR

DENGAN KERJASAMA:

Majlis Agama Islam Selangor

IKIM Hub

LEMBAGA ZAKAT SELANGOR
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

MediaSelangor

# PERANAN INSTITUSI RAJA DALAM MEMBELA HAK RAKYAT

**Pembentang: Yang Berhormat Senator Datuk Seri Profesor Emeritus Dr. Haji Awang bin Sariyan**

## Abstrak

Institusi Raja merupakan salah satu institusi teras dalam sejarah dan sistem kenegaraan Malaysia. Kewujudannya bukan sahaja berkait rapat dengan sejarah pemerintahan Melayu, bahkan telah disesuaikan menjadi sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen selepas kemerdekaan. Dalam kerangka tersebut, Raja mempunyai kedudukan dan fungsi tertentu yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan serta Undang-Undang Tubuh Negeri. Hubungan antara Raja dengan rakyat pula tidak hanya bersifat formal dan berteraskan Perlembagaan, bahkan turut mempunyai dimensi sosial, budaya, agama dan psikologi. Kertas kerja ini membincangkan peranan institusi Raja dalam membela hak rakyat, khususnya melalui fungsi sebagai payung rakyat, pelindung agama Islam, pemelihara kepentingan yang diperuntukkan oleh Perlembagaan, lambang perpaduan, penjaga kestabilan serta penaung kebajikan masyarakat. Perbincangan turut meneliti konsep Raja Berjiwa Rakyat dan cabaran yang dihadapi institusi Raja dalam era moden. Kertas ini berhujah bahawa kekuatan institusi Raja bukan semata-mata terletak pada asas Perlembagaan, bahkan turut bergantung kepada kepercayaan, penghormatan dan hubungan yang erat antara Raja dengan rakyat. Oleh itu, pendekatan yang menampilkan Raja sebagai institusi yang dekat dengan denyut nadi rakyat perlu terus diperkasakan agar institusi Raja kekal relevan dalam kehidupan bernegara.

**Kata Kunci**: Institusi Raja, Raja Berperlembagaan, rakyat, perpaduan, kebajikan, Islam, Perlembagaan.

## Pendahuluan

Institusi Raja merupakan antara warisan terpenting yang membentuk sejarah, identiti dan sistem kenegaraan Malaysia. Sebelum kemunculan sistem negara moden, negeri-negeri Melayu telah mempunyai sistem pemerintahan beraja yang meletakkan Raja sebagai pusat pemerintahan dan simbol kedaulatan negeri. Dalam perkembangan sejarah tersebut, Raja bukan sahaja berperanan dalam urusan pemerintahan, bahkan mempunyai hubungan yang rapat dengan kehidupan rakyat serta struktur masyarakat Melayu.

Perubahan politik yang berlaku sebagai akibat penjajahan dan kemudiannya proses menuju kemerdekaan telah mengubah bentuk pemerintahan beraja. Walaupun kuasa pemerintahan Raja mengalami perubahan, institusi Raja tidak dihapuskan sedangkan hampir semua negara beraja di dunia telah dihapuskan sistemnya sama ada oleh penjajah ataupun rakyat sendiri[1]. Sebaliknya, kedudukannya disesuaikan dengan sistem Raja

[1] Sulaiman Zakaria dan Asmah Che Omar, *Institusi Beraja*, (Petaling Jaya: Pustaka Cahaya Intelek, 2004), hlm. 4.

Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen. Selepas kemerdekaan, kedudukan Majlis Raja-Raja secara rasmi dimaktubkan dalam Perkara 38 Perlembagaan Persekutuan[2].

Keadaan ini menjadikan Malaysia mempunyai suatu bentuk pemerintahan yang unik. Demokrasi dan institusi Raja tidak dilihat sebagai dua unsur yang bertentangan, sebaliknya kedua-duanya berfungsi dalam lingkungan Perlembagaan. Institusi Raja mempunyai fungsi tertentu dalam memastikan kestabilan pemerintahan melalui perann dan tugasan yang secara khusus diperuntukkan oleh Perlembagaan[3].

Dalam konteks hubungan antara Raja dengan rakyat, persoalan hak rakyat mempunyai kedudukan yang penting. Hak rakyat tidak hanya merujuk kepada hak yang bersifat politik, tetapi turut meliputi hak untuk hidup dalam keadaan aman, mendapat keadilan, menikmati kebajikan, menjalankan kehidupan beragama serta menikmati perlindungan terhadap kepentingan yang diperuntukkan oleh Perlembagaan.

Oleh itu, peranan institusi Raja dalam membela hak rakyat tidak semestinya diterjemahkan melalui tindakan politik atau campur tangan secara langsung dalam pentadbiran kerajaan. Sebaliknya, peranan itu dapat dilihat melalui kedudukan Raja dalam struktur perlembagaan, fungsi sebagai Ketua Agama Islam, penaung kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, kedudukan istimewa orang Melayu dan Bumiputera dan hak sah kaum lain, serta peranan sebagai lambang perpaduan dan kestabilan serta keprihatinan terhadap kebajikan masyarakat.

Peranan tersebut menjadi semakin penting dalam keadaan masyarakat moden yang berhadapan dengan pelbagai cabaran seperti kos sara hidup, kemiskinan, ketidakseimbangan ekonomi, perubahan sosial, isu perpaduan dan perkembangan teknologi komunikasi. Dalam keadaan sedemikian, institusi Raja berpotensi menjadi salah satu unsur yang membantu memastikan kepentingan dan hak rakyat terus diberikan perhatian.

**Sejarah Hubungan Raja dan Rakyat**

Hubungan antara Raja dengan rakyat mempunyai akar sejarah yang panjang dalam tamadun Melayu. Sebelum kedatangan kuasa kolonial, Raja-Raja Melayu mempunyai kuasa pemerintahan yang meliputi bidang perundangan, eksekutif dan kehakiman serta dibantu oleh para pembesar dan pegawai kerajaan[4].

---

[2] Perkara 38, *Perlembagaan Persekutuan*; lihat juga Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, "Peranan Majlis Raja-Raja", yang menjelaskan bahawa penubuhan Majlis Raja-Raja telah dimaktubkan melalui Perkara 38 selepas kemerdekaan.

[3] Abdul Aziz Bari, *Majlis Raja-Raja: Kedudukan dan Peranan dalam Perlembagaan Malaysia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002). hlm 118-119.

[4] Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, "Maklumat Majlis Raja-Raja", yang menerangkan kedudukan Raja-Raja Melayu sebelum penguasaan kuasa asing serta bidang kuasa pemerintahan mereka

Dalam sistem tersebut, Raja berada di kedudukan tertinggi dalam struktur pemerintahan. Namun begitu, kedudukan tersebut tidak hanya membawa keistimewaan, bahkan disertai tanggungjawab terhadap keamanan dan kesejahteraan negeri. Hubungan antara Raja dengan rakyat terbina melalui konsep kesetiaan dan perlindungan yang saling berkait.

Perkembangan Kesultanan Melayu Melaka menjadi salah satu contoh penting dalam sejarah pemerintahan Melayu. Sistem pemerintahan yang tersusun dengan pembahagian tugas antara Sultan dan para pembesar memperlihatkan bahawa pemerintahan bukan hanya berpusat kepada Raja secara individu bahkan melibatkan suatu struktur pentadbiran yang luas.

Apabila British memperluas pengaruhnya di Tanah Melayu, kuasa pentadbiran Raja mengalami perubahan. Walau bagaimanapun, institusi kesultanan terus dikekalkan. Penubuhan Durbar pada tahun 1897 menjadi antara perkembangan penting dalam sejarah hubungan Raja dengan pentadbiran kolonial. Durbar kemudian menjadi pelopor kepada Majlis Raja-Raja yang wujud pada hari ini[5]. Perkembangan tersebut menunjukkan bahawa institusi Raja mempunyai kemampuan untuk menyesuaikan diri dengan perubahan zaman tanpa kehilangan identiti dan kedudukan asasnya.

**Institusi Raja dalam Kerangka Perlembagaan**

Institusi Raja di Malaysia berfungsi dalam kerangka Raja Berperlembagaan. Perkara 38 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan kewujudan Majlis Raja-Raja dan fungsi-fungsi tertentu yang berkaitan dengannya[6].

Antara fungsi utama Majlis Raja-Raja termasuklah memilih Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong, memberikan persetujuan atau pandangan dalam perkara-perkara tertentu yang diperuntukkan oleh Perlembagaan, serta melaksanakan fungsi tertentu berkaitan dengan pelantikan dan perkara-perkara lain yang ditetapkan oleh Perlembagaan[7].

Kedudukan tersebut menunjukkan bahawa institusi Raja bukan sekadar institusi simbolik. Terdapat fungsi perlembagaan tertentu yang memberikan ruang kepada Raja-Raja untuk memainkan peranan dalam sistem kenegaraan. Lebih penting lagi, terdapat perkara tertentu yang tidak boleh dipinda oleh Parlimen tanpa persetujuan Majlis Raja-Raja. Antara perkara tersebut termasuklah pindaan tertentu yang berkaitan dengan kedudukan, keistimewaan, kemuliaan dan kebesaran Raja-Raja[8].

---

[5] Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, "Peranan Majlis Raja-Raja". Sumber rasmi tersebut menjelaskan bahawa Durbar merupakan pelopor kepada Majlis Raja-Raja yang ada pada hari ini.

[6] Perkara 38, *Perlembagaan Persekutuan*; Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, "Peranan Majlis Raja-Raja".

[7] Jadual Kelima, *Perlembagaan Persekutuan*; Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, "Peranan Majlis Raja-Raja". Antara fungsi yang dinyatakan ialah memilih Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong serta memberikan persetujuan atau nasihat dalam perkara tertentu.

[8] Perkara 38(4), *Perlembagaan Persekutuan*. Lihat juga Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, "Peranan Majlis Raja-Raja", yang menjelaskan bahawa undang-undang yang menyentuh secara langsung keistimewaan, kedudukan, kemuliaan atau kebesaran Raja-Raja tidak boleh diluluskan tanpa persetujuan Majlis Raja-Raja.

Majlis Raja-Raja juga perlu diminta fikirannya sebelum dibuat perubahan tertentu terhadap dasar mengenai tindakan pentadbiran di bawah Perkara 153 yang berkaitan dengan kedudukan istimewa orang Melayu dan Bumiputera serta kepentingan sah kaum-kaum lain[9].

Oleh hal yang demikian, institusi Raja mempunyai kedudukan tersendiri sebagai sebahagian daripada mekanisme perlindungan terhadap unsur-unsur asas yang telah dipersetujui dalam kerangka Perlembagaan.

**Raja Sebagai Payung Rakyat**

Konsep Raja sebagai payung rakyat merupakan gambaran yang sangat sesuai untuk memahami hubungan antara institusi Raja dengan masyarakat. Payung melambangkan perlindungan, keteduhan dan keselamatan.

Dalam konteks moden, perlindungan tersebut tidak bermaksud Raja mengambil alih fungsi kerajaan atau mentadbir secara langsung. Sebaliknya, hal itu diterjemahkan melalui fungsi Perlembagaan, peranan moral, titah nasihat serta keprihatinan terhadap kehidupan rakyat. Kedudukan Raja yang berada di atas politik kepartian memberikan institusi tersebut keupayaan untuk menjadi simbol penyatuan. Raja boleh menjadi tempat rakyat melihat suatu institusi yang tidak terikat secara langsung dengan persaingan politik harian.

Dalam sistem demokrasi di Malaysia, kedudukan Raja dalam Perlembagaan Persekutuan perlu difahami berdasarkan fungsi dan kuasa tertentu yang ditetapkan oleh Perlembagaan, selain tidak bertentangan dengan semangat demokrasi itu sendiri[10]. Dalam konteks ini, membela rakyat bukan bermakna Raja menggantikan kerajaan yang dipilih melalui pilihan raya. Sebaliknya, Raja berfungsi dalam lingkungan perlembagaan dan memainkan peranan tersendiri sebagai unsur kestabilan dan kesinambungan negara.

**Membela Hak Rakyat Melalui Keprihatinan Terhadap Kebajikan**

Salah satu bentuk penting dalam hubungan antara Raja dengan rakyat ialah keprihatinan terhadap kebajikan masyarakat. Rakyat yang mengalami kemiskinan, kehilangan tempat tinggal, bencana, masalah kesihatan atau kesukaran ekonomi memerlukan perhatian bukan sahaja daripada agensi kerajaan, bahkan juga sokongan moral masyarakat secara keseluruhannya.

Dalam keadaan seperti ini, kehadiran Raja mempunyai nilai simbolik yang besar. Lawatan ke kawasan bencana, hospital, pusat kebajikan, institusi pendidikan atau kawasan masyarakat yang memerlukan bantuan dapat memperlihatkan bahawa institusi Raja tidak terpisah daripada kehidupan rakyat. Perhatian sedemikian membawa makna yang lebih mendalam daripada pemberian bantuan material. Kebajikan rakyat merupakan perkara yang mendapat perhatian dalam institusi kenegaraan.

---

[9] Perkara 38(5) dan Perkara 153, *Perlembagaan Persekutuan*; Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, "Maklumat Majlis Raja-Raja".

[10] Abdul Aziz Bari, *Perlembagaan Malaysia: Suatu Pengenalan*, (Petaling Jaya: Ilham Books, 2016), hlm 33.

Bagi seorang rakyat yang sedang berhadapan dengan kesusahan, kehadiran seorang Raja bukan sekadar kunjungan rasmi. Perkara itu menjadi bukti bahawa kesusahan mereka mendapat perhatian pada peringkat tertinggi negara. Oleh itu, usaha membela hak rakyat bukan sahaja berkaitan dengan perlindungan undang-undang, bahkan turut melibatkan perhatian terhadap kehidupan dan kebajikan mereka. Institusi Raja yang dekat dengan rakyat dapat membantu memastikan persoalan kebajikan masyarakat terus mendapat perhatian.

**Raja Sebagai Pelindung Agama Islam**

Hubungan antara institusi Raja dengan agama Islam merupakan salah satu ciri penting dalam sistem kenegaraan Malaysia. Bahkan institusi Raja merupakan hasil asimilasi kerohanian dan keagamaan dengan autoriti keduniaan[11]. Perlembagaan Persekutuan memberikan kedudukan tertentu kepada Raja-Raja Melayu sebagai Ketua Agama Islam di negeri masing-masing. Yang di-Pertuan Agong pula menjadi Ketua Agama Islam bagi negeri-negeri yang tidak mempunyai Raja[12].

Kedudukan tersebut mempunyai implikasi yang besar terhadap masyarakat Islam. Raja mempunyai peranan dalam memastikan bahawa urusan agama Islam di negeri masing-masing dapat berkembang dalam kerangka undang-undang dan perlembagaan. Dalam konteks membela hak rakyat, perlindungan terhadap agama bermaksud memastikan bahawa masyarakat dapat menjalankan kehidupan beragama dengan aman, institusi agama terus diperkasakan dan pendidikan serta kebajikan umat Islam diberi perhatian.

Peranan ini juga mempunyai asas moral yang kukuh dalam Islam. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Nisa' ayat 58:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ

> Maksudnya: Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanah kepada yang berhak menerimanya dan apabila kamu menjalankan hukum antara manusia, hendaklah kamu menghukum dengan adil.

Ayat tersebut menegaskan prinsip bahawa kedudukan dan kuasa merupakan amanah yang mesti dilaksanakan dengan adil. Selain itu, al-Māwardī dalam buku beliau yang terkenal dalam bidang politik Islam, *al-Ahkam al-Sultaniyyah* menulis berkenaan kewajiban pemerintah dalam memelihara agama Islam:

---

[11] Muhammad Kamil Awang, *The Sultan and the Constitution*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998), hlm. 158.

[12] Perkara 3*, Perlembagaan Persekutuan*.

حفظ الدين على أصوله المستقرة، وما أجمع عليه سلف الأمة، فإن نجم مبتدع أو زاغ ذو شبهة عنه، أوضح له الحجة، وبين له الصواب، وأخذه بما يلزمه من الحقوق والحدود؛ ليكون الدين محروسا من خلل، والأمة ممنوعة من زلل

Maksudnya: Memelihara agama berdasarkan prinsip-prinsipnya yang telah kukuh dan perkara-perkara yang telah disepakati oleh para ulama salaf. Sekiranya muncul seorang ahli bid'ah atau seseorang yang terpesong disebabkan syubhah daripada prinsip tersebut, maka hendaklah dijelaskan kepadanya hujah, diterangkan kepadanya kebenaran, serta dikenakan ke atasnya perkara-perkara yang diwajibkan berupa hak dan hudud, agar agama terpelihara daripada kerosakan dan umat terlindung daripada kesesatan[13].

**Memelihara Kepentingan Melayu dan Bumiputera serta Hak Kaum Lain**

Institusi Raja turut mempunyai hubungan dengan pemeliharaan kedudukan istimewa orang Melayu dan Bumiputera serta kepentingan sah kaum-kaum lain.

Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan memberikan tanggungjawab tertentu kepada Yang di-Pertuan Agong berkaitan dengan pemeliharaan kedudukan istimewa orang Melayu dan anak negeri Sabah dan Sarawak, di samping menjaga kepentingan sah kaum-kaum lain[14].

Peruntukan ini perlu difahami dalam konteks keseimbangan dan keharmonian masyarakat majmuk Malaysia. Membela kepentingan Melayu dan Bumiputera tidak seharusnya difahami sebagai mengabaikan hak masyarakat lain. Sebaliknya, Perlembagaan sendiri menggabungkan kedua-dua prinsip tersebut dalam satu kerangka.

Dalam hal ini, institusi Raja berpotensi menjadi simbol kepada keseimbangan antara sejarah, hak perlembagaan dan perpaduan rakyat.

**Institusi Raja Sebagai Lambang dan Penaung Perpaduan**

Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai masyarakat berbilang kaum, agama, budaya dan bahasa. Keadaan ini merupakan kekuatan negara tetapi pada masa yang sama dapat menimbulkan cabaran kepada perpaduan sekiranya tidak diurus dengan baik. Institusi Raja mempunyai kedudukan yang istimewa sebagai simbol yang boleh merentas perbedaan politik dan kelompok masyarakat.

---

[13] al-Māwardī, Abūl Hasan, 'Alī bin Muḥammad, *al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah*, (Kaherah, Mesir: Dār al-Hadīth, t.t.) hlm. 40

[14] Perkara 153(1), *Perlembagaan Persekutuan*.

Majlis Raja-Raja juga menyediakan ruang perbincangan antara Raja-Raja dengan pemimpin kerajaan. Menurut Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, mesyuarat tersebut menjadi forum yang bernilai untuk membincangkan isu bersama antara kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri[15].

Peranan ini memperlihatkan bahawa institusi Raja berfungsi sebagai unsur penyatuan dalam sistem persekutuan. Dalam konteks masyarakat, Raja menjadi simbol dan hakikat bahawa rakyat daripada pelbagai latar belakang tetap berkongsi satu identiti kebangsaan.

**Titah Raja dan Suara Rakyat**

Titah Raja merupakan salah satu medium penting dalam menyampaikan nasihat dan pandangan kepada masyarakat serta pihak yang bertanggungjawab. Titah yang berkaitan dengan perpaduan, integriti, pendidikan, kebajikan rakyat dan kestabilan negara mempunyai nilai moral yang besar.

Namun demikian, titah Raja perlu difahami dalam kerangka Raja Berperlembagaan. Raja tidak mengambil alih fungsi kerajaan atau membuat dasar secara langsung. Sebaliknya, titah boleh berfungsi sebagai nasihat moral dan peringatan kenegaraan.

Apabila Raja menyuarakan kebimbangan terhadap kesusahan rakyat, isu perpaduan atau kepentingan generasi muda, suara tersebut mempunyai nilai yang berbeda kerana datang daripada institusi yang secara tradisinya menjadi simbol negara dan negeri. Dalam keadaan tertentu, suara Raja juga boleh membantu mengingatkan semua pihak bahawa kuasa pemerintahan perlu digunakan untuk kepentingan rakyat.

**Raja Berjiwa Rakyat**

Konsep Raja Berjiwa Rakyat merupakan satu pendekatan yang penting untuk memastikan institusi Raja terus dekat dengan masyarakat. Raja Berjiwa Rakyat tidak bermaksud bahawa Raja menghapuskan protokol atau kewibawaan institusi Raja. Sebaliknya, hal itu merujuk kepada pendekatan yang menampilkan sifat prihatin, mesra, mengambil berat dan memahami realiti kehidupan rakyat.

Antara ciri-ciri Raja Berjiwa Rakyat termasuklah:

1. dekat dengan masyarakat;
2. prihatin terhadap golongan miskin;
3. mengambil berat tentang pendidikan;
4. menyantuni golongan rentan;
5. hadir ketika berlaku bencana;
6. memperjuangkan perpaduan;
7. menekankan integriti;
8. menjaga kepentingan negeri; dan

[15] Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, “Maklumat Majlis Raja-Raja”. Sumber rasmi tersebut menerangkan bahawa mesyuarat Majlis Raja-Raja menjadi forum bagi membincangkan masalah bersama antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri.

9. menjadi simbol kestabilan.

Pendekatan tersebut amat penting, terutama bagi generasi muda. Institusi Raja perlu difahami bukan sekadar melalui buku sejarah atau upacara rasmi, bahkan melalui pengalaman sebenar masyarakat berinteraksi dengan institusi tersebut. Dalam konteks ini, kedekatan Raja dengan rakyat merupakan salah satu sumber kekuatan institusi Raja.

**Raja dan Prinsip Amanah dalam Islam**

Dalam tradisi Islam, kepemimpinan merupakan amanah. Rasulullah SAW bersabda daripada ‘Abdullah bin ‘Umar RA:

كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْؤُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ

> Maksudnya: Setiap kamu adalah pemimpin dan setiap kamu akan dipertanggungjawabkan terhadap orang yang berada di bawah kepimpinannya[16].

Hadis ini memberikan prinsip umum bahawa kedudukan kepimpinan membawa tanggungjawab.

Dalam konteks institusi Raja, prinsip ini tidak bermaksud bahawa semua fungsi pemerintahan moden perlu ditafsirkan sama seperti pemerintahan kerajaan Islam klasik. Sebaliknya, prinsip itu menjadi asas kerangka etika bahawa kedudukan yang tinggi perlu disertai rasa tanggungjawab terhadap rakyat.

Oleh itu, semakin tinggi kedudukan seseorang dalam masyarakat, semakin besar tanggungjawab moral yang dipikul. Institusi Raja mempunyai kedudukan yang sangat tinggi dalam struktur negara. Maka, nilai amanah, keadilan, kasih sayang dan kebijaksanaan amat penting dalam memastikan hubungan antara Raja dengan rakyat terus kukuh.

**Raja Sebagai Unsur Semak dan Imbang**

Salah satu aspek penting institusi Raja ialah peranannya dalam struktur semak dan imbang perlembagaan. Majlis Raja-Raja mempunyai kuasa dan fungsi tertentu yang memerlukan persetujuan atau perkenannya dalam perkara tertentu. Antaranya termasukah perkara yang menyentuh keistimewaan, kedudukan, kemuliaan atau kebesaran Raja-Raja secara langsung [17].

Selain itu, terdapat beberapa pindaan Perlembagaan yang memerlukan persetujuan Majlis Raja-Raja. Hal ini menunjukkan bahawa institusi Raja merupakan sebahagian daripada mekanisme yang memastikan unsur-unsur

---

[16] al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā'īl, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, (Kaherah, Mesir: Dār al-Ta'ṣīl, 2012), jil. 9, hlm. 171, hadis no. 7137; Muslim bin al-Ḥajjāj, *Ṣahīh Muslim*, (Kaherah: Mesir: Maṭba'ah 'Isā al-Bābī al-Ḥalabī, 1955), jil. 3, hlm. 145, hadis no. 1829.

[17] Perkara 38(4), *Perlembagaan Persekutuan*; Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, “Peranan Majlis Raja-Raja”.

tertentu dalam struktur negara tidak diubah secara sewenang-wenangnya[18]. Antaranya adalah Perkara 152 yang membincangkan tentang bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi, serta Perkara 153 berkaitan kedudukan istimewa orang Melayu dan anak negeri Sabah dan Sarawak serta kepentingan sah kaum-kaum lain[19].

Dalam konteks membela hak rakyat, fungsi semak dan imbang ini penting kerana sistem pemerintahan yang baik memerlukan mekanisme bagi mengelakkan kuasa tertumpu secara mutlak pada satu pihak. Institusi Raja, dalam lingkungan perlembagaan, menyumbang kepada kestabilan tersebut.

**Cabaran Institusi Raja dalam Era Moden**

Institusi Raja bagaimanapun tidak terlepas daripada cabaran.

Perubahan generasi

Generasi muda mempunyai perspektif yang berbeda terhadap institusi tradisional. Mereka lebih terdedah kepada pelbagai sistem pemerintahan melalui media digital dan globalisasi. Oleh itu, kefahaman tentang sejarah dan fungsi institusi Raja perlu diperkukuh melalui pendidikan kenegaraan.

Media sosial

Media sosial membolehkan komunikasi antara institusi dengan rakyat menjadi lebih pantas. Namun begitu, hal itu juga membuka ruang kepada penyebaran maklumat palsu, salah faham dan kandungan yang boleh menjejaskan keharmonian masyarakat. Institusi Raja perlu terus mempunyai pendekatan komunikasi yang sesuai dengan perkembangan teknologi.

Politik kepartian

Institusi Raja perlu mengekalkan kedudukan yang dihormati merentas perbedaan politik. Persepsi bahawa institusi Raja memihak kepada kepentingan politik tertentu dapat menjejaskan kepercayaan masyarakat. Oleh itu, kebijaksanaan dan pendekatan yang berteraskan Perlembagaan amat penting.

Perubahan sosial

Masyarakat Malaysia semakin kompleks. Perdebatan mengenai agama, kaum, ekonomi, pendidikan dan identiti boleh menjadi sensitif. Dalam keadaan tersebut, institusi Raja mempunyai peranan penting sebagai simbol perpaduan dan kestabilan.

**Memperkukuh Peranan Institusi Raja dalam Membela Hak Rakyat**

Hubungan antara Raja dan rakyat perlu diperkukuh secara berterusan. Perkara itu dapat dilakukan melalui:

---

[18] Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, "Maklumat Majlis Raja-Raja", yang menjelaskan beberapa peruntukan Perlembagaan yang memerlukan persetujuan Majlis Raja-Raja bagi pindaan tertentu.

[19] Perkara 159 (5), *Perlembagaan Persekutuan;* Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, "Peranan Majlis Raja-Raja".

Pertama, pendidikan berkaitan institusi Raja perlu diperluas. Rakyat perlu memahami bukan sahaja sejarah Raja-Raja Melayu, bahkan juga fungsi Raja berdasarkan Perlembagaan. Kefahaman tersebut penting supaya masyarakat mengetahui bentuk perlindungan dan fungsi yang sebenarnya diberikan kepada institusi Raja.

Kedua, program kemasyarakatan perlu terus ditingkatkan. Interaksi dengan golongan miskin, pelajar, belia, warga emas, orang kurang upaya dan masyarakat pedalaman dapat mengukuhkan hubungan antara Raja dengan rakyat.

Ketiga, komunikasi digital perlu dimanfaatkan. Generasi muda perlu diberi akses kepada maklumat yang tepat mengenai institusi Raja dan fungsi perlembagaannya.

Keempat, nilai kasih sayang, keadilan, amanah dan kebijaksanaan perlu sentiasa menjadi asas pendekatan institusi Raja.

Kelima, perhatian terhadap golongan rentan perlu diteruskan. Golongan miskin, kanak-kanak, warga emas, orang kurang upaya dan masyarakat yang terjejas akibat bencana memerlukan perhatian yang berterusan.

Keenam, masyarakat juga perlu memainkan peranan dengan menghormati institusi Raja dan memahami kedudukannya dalam sistem Perlembagaan.

Dengan pendekatan tersebut, hubungan antara Raja dan rakyat dapat terus dibina atas asas saling menghormati, amanah dan tanggungjawab.

**Kesimpulan**

Institusi Raja merupakan salah satu tiang seri penting dalam pembentukan identiti dan sistem kenegaraan Malaysia. Institusi ini mempunyai akar sejarah yang panjang dan telah melalui pelbagai perubahan politik sebelum disesuaikan dengan sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen.

Dalam sistem moden, Raja bukan lagi pemerintah mutlak. Sebaliknya, Raja menjalankan fungsi berdasarkan Perlembagaan dan Undang-Undang Tubuh Negeri. Walaupun begitu, kedudukan Raja sebagai penaung negara, agama, bahasa, perpaduan dan kestabilan terus mempunyai kepentingan yang besar. Peranan institusi Raja dalam membela hak rakyat dapat diterjemahkan melalui pelbagai pendekatan. Antaranya termasuklah menjaga kepentingan yang diperuntukkan oleh Perlembagaan, melindungi kedudukan Islam, kedudukan bahasa kebangsaan, kedudukan orang Melayu, Bumiputera dan kaum-kauim lain, memelihara keharmonian masyarakat, menyantuni rakyat yang menghadapi kesusahan serta menjadi simbol perpaduan dan kestabilan. Dalam kerangka Raja Berperlembagaan, pembelaan terhadap hak rakyat tidak bermaksud bahawa institusi Raja mengambil alih fungsi kerajaan. Sebaliknya, peranan tersebut dilaksanakan melalui fungsi-fungsi yang diberikan oleh Perlembagaan, kedudukan Raja sebagai Ketua Agama Islam,

fungsi tertentu Majlis Raja-Raja serta pendekatan keprihatinan terhadap kebajikan masyarakat.

Kekuatan institusi Raja akhirnya tidak hanya bergantung kepada kedudukan undang-undang, sebaliknya juga berkaitan dengan kepercayaan dan penghormatan rakyat terhadap institusi tersebut. Raja yang dekat dengan rakyat dapat memahami denyut kehidupan masyarakat, manakala rakyat yang memahami fungsi Raja dapat melihat institusi tersebut dalam kerangka yang lebih tepat.

Dalam konteks ini, konsep Raja Berjiwa Rakyat perlu terus diperkasakan. Hal itu bukan sahaja sesuai dengan tradisi pemerintahan Melayu, bahkan selari dengan prinsip amanah dan keadilan dalam Islam. Institusi Raja akan terus mempunyai tempat yang penting dalam kehidupan bernegara apabila kewibawaan Perlembagaan berjalan seiring dengan keprihatinan terhadap rakyat.

Akhirnya, membela hak rakyat bukan sekadar memastikan hak tersebut tercatat dalam undang-undang, bahkan turut memastikan nilai keadilan, kebajikan, keamanan, agama, perpaduan dan maruah manusia terus diberi perhatian. Dalam kerangka tersebut, institusi Raja mempunyai peranan tersendiri sebagai salah satu unsur penting dalam memastikan kepentingan rakyat terus dipelihara menurut lunas Perlembagaan dan prinsip kenegaraan Malaysia.

**Senarai Rujukan**


Abdul Aziz Bari. *Majlis Raja-Raja: Kedudukan dan Peranan dalam Perlembagaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002.

Abdul Aziz Bari. *Perlembagaan Malaysia: Suatu Pengenalan*. Petaling Jaya: Ilham Books. 2016.

Al-Bukhārī. Muḥammad bin Ismā'īl. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Kaherah, Mesir: Dār al-Ta'ṣīl. 2012

Awang Sariyan. *Taj al-Salatin Adab dan Prinsip Pemerintahan Beraja di Alam Melayu.* Shah Alam: Kursi Institusi Raja-Raja Melayu UiTM.

Majlis Raja-Raja. “Maklumat Majlis Raja-Raja”. Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja.

Majlis Raja-Raja. “Peranan Majlis Raja-Raja”. Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja.

Muhammad Kamil Awang. *The Sultan and the Constitution*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1998.

Muslim bin al-Ḥajjāj. *Ṣahīh Muslim*. Kaherah: Mesir: Maṭba'ah 'Isā al-Bābī al-Ḥalabī. 1955.

Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

Sulaiman Zakaria dan Asmah Che Omar. *Institusi Beraja*. Petaling Jaya: Pustaka Cahaya Intelek. 2004.